

20/05/2001

Bukan pilih kasih (HL)

Othman Mamat; Magendran Rajagopal

JOHOR BAHRU: Kerajaan tidak harus dianggap bersikap pilih kasih jika dilihat lebih cenderung membantu dan memberi keistimewaan kepada kaum tertentu di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, kata Perdana Menteri, jika kerajaan dilihat menolong satu-satu kaum, ia disebabkan kaum berkenaan memerlukan perhatian atau lebih tumpuan daripada kerajaan.

"Sudah tentu ada kelemahan atau kekurangan pada kaum-kaum itu yang menyebabkan mereka ketinggalan daripada arus pembangunan dan memerlukan pertolongan kerajaan.

"Kita tidak boleh membiarkan kaum itu sendiri membaiki nasib buruk mereka sedangkan sudah terbukti mereka tidak berkemampuan menangani masalah mereka.

"Saya harap setiap kaum memahami kedudukan ini kerana ia penting kepada keamanan negara pada masa hadapan," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-55 di Hotel Eden Garden, di sini, semalam.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, kerajaan serius dalam usaha membetulkan kedudukan masyarakat bagi memastikan semua rakyat sama-sama menikmati kemajuan dan kemakmuran negara.

Katanya, kerajaan tidak mahu melihat rakyat negara ini dibahagikan mengikut status sosial dan ekonomi sehingga mewujudkan jurang perbezaan antara kaum.

"Kita tidak boleh membiarkan rakyat yang ketinggalan daripada arus pembangunan, terus memperbetulkan nasib mereka sendiri, tanpa seliaan dan bantuan kerajaan.

"Kita perlu mengadakan rancangan-rancangan khusus untuk membawa rakyat yang terpinggir keluar daripada kemelut kehidupan mereka yang buruk," katanya.

Dr Mahathir berkata, dasar kerajaan ialah memastikan tidak ada kaum di negara ini ketinggalan berbanding kaum lain dalam arus pembangunan sosioekonomi dan kemajuan negara.

Katanya, kedudukan tidak seimbang antara kaum, terutama sosial dan ekonomi, akan mencetuskan pergeseran atau pertelingkahan.

"Kita sudah mengalami keadaan tidak seimbang dan ia hampir menjerumuskan negara kita ke arah kehancuran dan kemusnahan, akibat perbalahan kaum yang berpunca daripada pembahagian kekayaan negara yang tidak seimbang.

"Inilah yang sedang cuba dielakkan oleh kerajaan daripada berlaku ke atas rakyat negara kita," katanya.

(END)